

ORDINAN PENJARA
(No. 81 tahun 1952)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (3) seksyen 8 Ordinan Penjara, 1952, menteri dengan ini membuat kaedah-kaedah yang berikut:—

KAEDAH-KAEDAH LOKAP, 1953

1. Nama.

Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-kaedah Lokap 1953.

2. Tafsiran.

Dalam Kaedah-kaedah ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Ketua Pegawai Polis”, “Pegawai Penjaga Daerah Polis”, “konstabel”, “pegawai polis” dan “pegawai polis pangkat rendah” hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Ordinan Polis, 1952;*

“Lokap” ertinya sebuah lokap yang dilantik oleh Menteri Dalam Negeri di bawah subseksyen (1) seksyen 8 Ordinan Penjara;

“Pegawai Perubatan” ertinya seorang pegawai perubatan yang dilantik oleh Ketua Pegawai Perubatan Negeri untuk memberi perhatian perubatan kepada banduan-banduan yang dikurung dalam lokap;

“Ordinan” ertinya Ordinan Penjara, 1952;

“banduan” ertinya seseorang, sama ada telah disabitkan kesalahannya atau tidak, yang dikurung atau ditahan dalam lokap;

“hari kelepasan minggu” mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Ordinan Hari Kelepasan, 1951.

3. Penjagaan dan pentadbiran am lokap.

(1) Penjagaan dan pentadbiran am lokap-lokap dan kawalannya oleh pegawai-pegawai polis yang menjaga lokap-lokap atau ditempatkan di lokap, hendaklah terletak di atas Ketua Pegawai Polis.

* Sekarang diganti oleh Akta Polis, 1967 (No. 41/1967).

(2) Pegawai Penjaga Daerah Polis di mana sesebuah lokap ditempatkan dalam Kaedah-kaedah ini dirujuk sebagai "Pegawai Penjaga", hendaklah menjaga setiap lokap tersebut serta bertanggungjawab dalam pelaksanaan dengan sempurna Kaedah-kaedah ini.

(3) Di mana sebuah lokap ditempatkan dalam balai polis, pegawai polis yang menjaga balai itu, dalam Kaedah-kaedah ini dirujuk sebagai "Timbalan Pegawai Penjaga" hendaklah menjaga lokap itu serta bertanggungjawab dalam pelaksanaan dengan sempurna Kaedah-kaedah ini.

4. Banduan-banduan disifatkan dalam jagaan yang sah.

Tiap-tiap orang yang dikurung dalam sebuah lokap hendaklah disifatkan sebagai dalam jagaan yang sah oleh Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga lokap itu.

PERUMAHAN

5. Tempat tidur.

(1) Banduan-banduan lelaki dan perempuan hendaklah diasingkan dan dikurung dalam bilik-bilik lokap yang berasingan. Banduan-banduan perempuan hendaklah dalam semua kes dilayan oleh perempuan-perempuan. Pegawai Polis lelaki tidak boleh masuk perumahan yang dihaskan untuk banduan-banduan perempuan kecuali semasa bertugas dan melainkan ditemani oleh seorang perempuan.

(2) Bilik lokap dalam mana seorang banduan perempuan dikurung hendaklah, jika perlu, diberi perlindungan yang sewajarnya.

6. Perasingan kelas-kelas.

(1) Pegawai Penjaga hendaklah, jika boleh, membuat peruntukan bagi menempatkan banduan-banduan dengan cara berasingan mengikut sebab-sebab pengurangan umur dan jantina.

(2) Seberapa boleh banduan-banduan yang belum disabitkan kesalahan tidak boleh dikurung bersama dengan banduan-banduan yang telah disabitkan kesalahannya.

PEMASUKAN DAN PELEPASAN

7. Pakaian dan harta banduan.

Tiap-tiap banduan hendaklah diperiksa sebelum masuk, dan semua pakaian dan harta, selain daripada sepasang pakaiannya hendaklah diambil dan direkodkan dalam Buku Resit Harta Banduan dan disimpan dalam jagaan yang selamat. Apa-apa wang atau barang berharga yang dihantar untuk diserahkan kepada seorang banduan hendaklah direkodkan dalam Buku Resit Harta Banduan dan disimpan dalam jagaan selamat. Buku Resit itu hendaklah ditandatangani oleh banduan dan pegawai yang membuat catatan-catatan.

8. Memeriksa banduan-banduan perempuan.

Banduan perempuan hanya boleh diperiksa oleh seorang perempuan.

9. Mandi.

Tiap-tiap banduan boleh dibenarkan mandi waktu masuk dan dua kali sehari selepas itu.

9A. Gunting rambut.

Tiap-tiap banduan, kecuali seorang sikh yang biasa menyimpan rambut panjang atas alasan keagamaan, hendaklah waktu masuk digunting rambutnya pendek-pendek.

10. Pemeriksaan perubatan waktu masuk.

Pegawai Perubatan hendaklah seberapa yang boleh, memeriksa tiap-tiap banduan dengan seberapa segera selepas ia masuk ke dalam lokap dan akan mengesahkan sama ada banduan itu layak untuk dipenjara dan, jika banduan itu disabitkan kesalahannya, diberi apa jenis kerja yang boleh dibuatnya.

11. Kembalikan pakaian dan harta.

Apabila banduan dilepaskan, pakaian dan lain-lain hartanya, termasuk wang dan apa-apa barangnya yang berharga, hendaklah dikembalikan kepadanya dan diminta ia memberi akuan penerimaannya dalam Buku Resit Harta Banduan.

12. Tarikh dilepaskan.

Jika tarikh melepaskan banduan itu jatuh pada hari kelepasan minggu atau hari kelepasan am, maka banduan itu hendaklah dilepaskan pada hari sebelumnya.

LAYANAN KEPADA BANDUAN-BANDUAN

13. Kain alas tempat tidur dan pakaian.

Tiap-tiap banduan hendaklah dibekalkan dengan kain alas tempat tidur dan hendaklah ditukar dan dibasuh seberapa kerap yang perlu tetapi tidak kurang dari sekali dalam sebulan.

14. Notis-notis kemudahan.

Notis-notis dalam bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil yang menerangkan kemudahan-kemudahan yang banduan-banduan berhak mendapatnya berkenaan dengan perkara perhubungan dengan kawan-kawan atau penasihat-penasihat undang-undang, pemberian jaminan dan peruntukan bantuan perubatan hendaklah diletakkan di pintu tiap-tiap lokap. Dalam semua kes, jika perlu, kandungan notis hendaklah diberitahu kepada semua banduan dalam bahasa yang senang mereka faham.

15. Makanan.

Makanan yang dibekalkan kepada seorang banduan hendaklah mengikut sukatan makanan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Kaedah-kaedah Penjara, 1953.

16. Pemeriksaan makanan.

Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjara hendaklah menentukan supaya tiap-tiap bahan makanan yang dibekalkan kepada seorang banduan adalah baik keadaannya.

17. Hukuman sukatan makanan.

Seorang banduan yang dikenakan perintah di bawah seksaan sekatan makanan, hendaklah dibekalkan dengan makanan seksaan yang tersebut dalam Jadual Pertama kepada Kaedah-kaedah Penjara, 1953, melainkan diperintahkan sebaliknya oleh Pegawai Perubatan.

18. Bersenam.

Tiap-tiap banduan hendaklah seberapa yang boleh bersenam tiap-tiap hari.

19. Dilarang tembakau, minuman keras, dan lain-lain.

Banduan tidak boleh dengan apa-apa alasan sekali pun dibenarkan apa-apa minuman keras, arak, beer atau lain-lain yang memabukkan atau apa-apa dadah yang memabukkan, kecuali di atas perintah Pegawai Perubatan.

20. Waktu berehat.

Banduan-banduan akan dikurung pada waktu malam pada pukul 6.30 petang dan akan bangun siap berpakaian pada pukul 6.30 pagi.

21. Waktu bekerja.

Tertakluk kepada mana-mana arahan oleh Pegawai Perubatan dan bila keadaan tempatan dan keperluan keselamatan membenarkan, banduan-banduan yang telah disabitkan kesalahannya, hendaklah diberi kerja yang sesuai sebagaimana yang akan diarahkan oleh Pegawai Penjaga selama tujuh jam setengah sehari, dan banduan-banduan yang belum disabitkan kesalahannya boleh juga dikeluarkan bekerja secara sukarela.

**LAWATAN-LAWATAN, SURAT-SURAT
DAN KEISTIMEWAAN**

22. Melawat banduan-banduan.

(1) Seorang banduan adalah berhak, tertakluk kepada yang diperuntukkan kemudian, dapat lawatan dari saudara-mara, kawan-kawannya dan peguambelanya mengikut peraturan yang tidak berlawanan dengan disiplin lokap yang sempurna.

(2) Banduan tidak boleh dilawati oleh saudara-mara atau kawan-kawannya lebih dari sekali seminggu.

(3) Tiada boleh lebih dari dua orang dibenarkan melawat seorang banduan pada satu masa.

(4) Lawatan tidak boleh lebih masanya dari lima belas minit.

(5) Tiap-tiap pelawat hendaklah memberi kepada Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga nama dan alamatnya, dan jika Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga ada sebab menyaki, ia boleh memeriksa atau menyebabkan untuk diperiksa pelawat lelaki dan boleh mengarah seorang pegawai polis perempuan untuk memeriksa pelawat perempuan, tetapi pemeriksaan tersebut tidak boleh dilakukan di hadapan seseorang banduan atau pelawat yang lain.

(6) Jika seorang pelawat itu enggan untuk diperiksa atau jika Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga berpendapat bahawa kemasukan pelawat itu boleh memudaratkan keselamatan dan ketenteraman teratur dalam lokap, maka Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga bolehlah melarang pelawat tersebut masuk.

(7) Jika apa-apa benda didapati setelah pemeriksaan dan pada fikiran Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga benda itu boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan atau nyawa seseorang banduan atau kemungkinan boleh memudahkan lepas lari dari lokap, maka pegawai itu boleh merampas benda tersebut.

(8) Kecuali Pegawai Penjaga mengarahkan sebaliknya, Timbalan Pegawai Penjaga, atau seorang pegawai polis pangkat rendah atau konstabel yang ditugaskan oleh Timbalan tersebut, bersama dengan seorang jurubahasa dalam hal jika pegawai atau konstabel tersebut tidak faham bahasa yang dicakapkan, hendaklah hadir pada suatu tempat yang dia boleh nampak dan boleh dengar di sepanjang masa mana-mana lawatan kepada seorang banduan, kecuali dalam hal lawatan oleh seorang peguambela, apabila temuduga akan diadakan di mana pegawai polis rendah atau konstabel yang ditugaskan boleh nampak tetapi tidak boleh dengar temuduga itu.

23. Lawatan oleh peguambela.

Seorang banduan boleh dibenarkan peguambelanya datang melawat, termasuk mana-mana wakil peguambela tersebut yang mana peguambela tersebut fikirkan perlu untuk menyediakan pembelaannya atau rayuan. Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga bolehlah mengambil apa-apa langkah yang difikirkannya perlu untuk menentukan pengenalan seseorang yang mengaku dirinya sebagai seorang peguambela atau wakilnya.

24. Waktu melawat.

Tidak dibenarkan melawat seorang banduan pada hari kelepasan minggu atau hari kelepasan am dan semua lawatan hendaklah dibuat pada masa bekerja biasa banduan-banduan itu atau pada waktu-waktu tertentu sebagaimana yang akan diarahkan oleh Pegawai Penjaga.

25. Surat-surat oleh dan kepada banduan-banduan.

(1) Setakat mana yang tidak berlawanan dengan disiplin lokap yang betul, seorang banduan adalah berhak untuk menulis sepucuk surat pada masa ia masuk lokap dan kemudian boleh menulis atau menerima sepucuk surat setiap minggu:

Dengan syarat bahawa Pegawai Penjaga boleh membenarkan seorang banduan menulis dan menerima surat-surat tambahan kerana menguruskan hal-ehwal keluarga atau harta dalam tempoh ia dikurung; bagi maksud untuk mendapatkan bayaran bagi apa-apa denda yang dikenakan ke atasnya atau untuk mengaturkan apa-apa jaminan; atau berkenaan dengan rayuan terhadap sabitan atau hukuman atau kedua-duanya atau urusan dari atau kepada peguambelanya.

(2) Pegawai Penjaga boleh mengikut budibicaranya membenarkan seorang banduan yang berhak mendapat lawatan untuk menulis sepucuk surat dan menerima sepucuk surat sebagai ganti lawatan itu.

(3) Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga hendaklah membawa tiap-tiap surat yang ditulis oleh atau yang dialamatkan kepada seorang banduan dan jika difikirkannya surat itu ada mengandungi apa-apa perkara yang ditegah, maka surat itu bolehlah ditahan.

(4) Tertakluk kepada rayuan kepada Menteri Dalam Negeri, maka keputusan Pegawai Penjaga di bawah kaedah-kaedah adalah muktamad.

26. Kemewahan.

Setakat mana yang difikirkannya munasabah dan tertakluk kepada arahan Pegawai Penjaga mengenai kualiti, seorang banduan boleh dapat atau membeli barang-barang mewah tertentu, termasuk pakaian dan tembakau, yang tidak berlawanan dengan ketenteraman dan disiplin lokap yang sempurna;

Dengan syarat bahawa semua benda tersebut mestilah diterima atau dibeli melalui Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga, yang boleh merampas mana-mana benda yang pemilikannya adalah dilarang oleh Kaedah-kaedah ini, atau yang mana pada pendapatnya, mungkin merbahaya kepada kesihatan atau nyawa atau mungkin boleh memudahkan peluang lepas lari dari lokap.

27. Buku-buku, dan lain-lain.

(1) Seorang banduan boleh, setakat mana yang tidak berlawanan dengan disiplin lokap yang sempurna, mendapat buku-buku dan surat-surat khabar, dengan syarat bahawa semua benda tersebut adalah diterima atau diperolehi melalui Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga.

(2) Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga boleh menahan apa-apa surat khabar atau buku yang pada fikirannya (tertakluk kepada rayuan kepada Menteri Dalam Negeri) mengandungi apa-apa perkara larangan.

28. Alat-alat menulis.

Seorang banduan boleh mendapat alat-alat menulis dengan kebenaran daripada Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga.

KESALAHAN-KESALAHAN DAN HUKUMAN

29. Kesalahan-kesalahan.

Tiap-tiap banduan yang dengan sengaja membuat apa-apa perbuatan yang tersebut di bawah ini hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan melanggar disiplin—

- (1) bercakap, ketawa dengan kuatnya atau bernyanyi selepas diperintahkan oleh pegawai polis supaya berhenti;
- (2) bergaduh dengan seorang banduan lain;
- (3) mengeluarkan apa-apa juga benda;
- (4) menunjukkan biadap kepada seseorang yang menjalankan tugas rasmi;
- (5) membuat pengaduan yang tidak beralasan atau tidak munasabah;

- (6) membuat sebarang perhubungan (dengan surat atau mulut atau sebaliknya) dengan orang yang tidak dikurung dalam lokap, atau dengan seseorang banduan yang lain dengan melanggar Kaedah-kaedah ini;
- (7) bersubahat melakukan apa-apa kesalahan;
- (8) ingkar daripada menolong pemeliharaan disiplin dengan tidak merepotkan kesalahan, atau tidak memberi pertolongan kepada seorang pegawai apabila disuruh berbuat demikian;
- (9) meninggalkan, tanpa kebenaran seorang pegawai polis, kumpulan yang ia berada, atau tempat bahagian lokap yang di mana ia dikurung;
- (10) meninggalkan, tanpa kebenaran seorang pegawai polis, tempat kerjanya, tempat barisan, tempat duduk atau tempat tidur yang diuntukkan kepadanya;
- (11) meninggalkan atau ingkar untuk berjalan dalam barisan;
- (12) masuk tandas tanpa kebenaran seorang pegawai polis atau berada di dalamnya lebih lama daripada masa yang patut.
- (13) memasukkan sesuatu ke dalam makanan atau minuman yang mungkin menyebabkan makanan atau minuman itu tidak sedap atau tidak boleh dimakan;
- (14) meninggalkan atau ingkar untuk memakai pakaian yang diberi kepadanya, atau menukar apa-apa bahagiannya untuk pakaian banduan-banduan lain, atau menghilangkan, membuang, merosak atau mengubah apa-apa bahagian pakaian itu;
- (15) memindah, memadam atau mengubah apa-apa nombor yang jelas atau lencana yang dilekatkan atau dipakai di atas pakaian atau orang;
- (16) mengusik dengan apa cara mangga kunci, atau lampu-lampu atau lain-lain harta yang bukan ada kena-mengena dengannya;
- (17) meludah atau mengotorkan apa-apa lantai, pintu, dinding atau lain-lain bahagian lokap atau apa-apa benda yang ada di dalamnya;

- (18) dengan sengaja mengotorkan mana-mana dinding, tandas, tempat membasuh atau tempat mandi;
- (19) meninggalkan atau ingkar untuk menjaga apa-apa harta kerajaan yang diamanahkan kepadanya;
- (20) dengan sengaja menyebabkan dirinya sakit, luka atau lemah;
- (21) menyebabkan atau ingkar menolong untuk menumpaskan keganasan atau sebarang bantah hukuman;
- (22) mengambil bahagian dalam apa-apa serangan ke atas seseorang banduan atau pegawai polis;
- (23) tiada menurut apa-apa perintah yang sah oleh pegawai polis;
- (24) malas atau lalai dalam melaksanakan apa-apa tugas yang diuntukkan kepadanya.

30. Kuasa Hukuman.

Tiap-tiap kesalahan yang melanggar disiplin akan disiasat oleh Pegawai Penjaga dengan seberapa segera, dan selepas disiasat dengan sempurna, Pegawai Penjaga boleh menghukum seorang banduan yang didapati melakukan suatu kesalahan yang ditetapkan dalam Kaedah 29 dengan memberi arahan kepadanya untuk menjalani hukuman berkurung dalam bilik kecil lokap atas sekatan makanan bagi tempoh tidak melebihi tiga hari dan boleh jika perlu bagi maksud ini, memindahkan seorang banduan ke mana-mana lokap lain dalam daerahnya.

31. Pemeriksaan oleh Pegawai Perubatan.

Tiap-tiap banduan yang diperintahkan kena hukum sekatan makanan hendaklah diperiksa oleh Pegawai Perubatan dahulu sebelum perintah itu dilaksanakan, dan Pegawai Perubatan itu hendaklah mengesahkan sama ada banduan itu cukup sihat untuk menjalani hukuman tersebut.

32. Rekod hukuman.

Pegawai Penjaga akan menyimpan sebuah Buku Hukuman bagi maksud untuk merekodkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh banduan-banduan terhadap disiplin dan hukuman-hukuman.

yang diperintahkan di bawah Kaedah-kaedah ini dan akan mencatatkan juga nama seseorang banduan yang berkenaan tarikh dan jenis kesalahan, hukuman yang diperintahkan, kuasa untuk memberi hukuman tersebut dan apa-apa arahan oleh Pegawai Perubatan.

33. Penyekatan mekanikal.

Seorang banduan tidak boleh dikenakan sekatan mekanikal sebagai hukuman.

KAKITANGAN

34. Pegawai Penjaga.

(1) Pegawai Penjaga hendaklah bertanggungjawab supaya semua undang-undang bertulis dan kaedah-kaedah berhubungan dengan lokap, lokap, banduan-banduan dan kakitangan dipatuhi dengan betul dan bahawa disiplin dan kebersihan sentiasa dipelihara.

(2) Pegawai Penjaga akan menjaga atau menyebabkan untuk dijaga sebuah buku Jurnal (dalam Kaedah-kaedah ini dirujukkan sebagai "Jurnal") di dalamnya akan direkodkan semua perkara dan kejadian yang mustahak, termasuk bilangan banduan-banduan dalam jagaan selepas tiap-tiap kali makan, dan catatan-catatan ini hendaklah diberi tarikh dan ditandatangani setiap hari.

35. Lawatan oleh Pegawai Penjaga.

(1) Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga hendaklah selalu dan tidak kurang dari sekali sehari memeriksa semua bahagian tiap-tiap lokap dan memastikan tiap-tiap banduan dikurung di dalamnya sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua puluh empat jam, dan akan melawat tiap-tiap lokap pada waktu yang tidak ditetapkan pada malam hari sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu

(2) Seorang pegawai polis akan ditugaskan setiap hari oleh Pegawai Penjaga supaya melawat bilik-bilik lokap sekurang-kurangnya sekali setiap malam untuk menentukan bilik-bilik lokap berkunci dan memeriksa bilangan banduan-banduan.

36. Pemberitahuan tentang kesakitan.

Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga hendaklah tanpa berlengah lagi merepot kepada Pegawai Perubatan apa-apa

kes nyata sakit otak, kecederaan kepada atau seseorang banduan yang sakit.

37. Pemberitahuan tentang kesakitan kepada saudara-mara.

Pegawai Penjaga atau Timbalan Pegawai Penjaga apabila didapati seseorang banduan itu sakit teruk atau mati hendaklah memberitahu dengan segera kepada saudara-mara banduan tersebut yang diketahui.

38. Lawatan Pegawai Perubatan ke lokap-lokap.

Pegawai Perubatan hendaklah melawat setiap lokap apabila diminta berbuat demikian oleh Pegawai Penjaga, dan ia akan catatkan dalam buku Jernal ulasan-ulasannya tentang keadaan lokap dan banduan-banduan yang dikurung di dalamnya.

39. Laporan tentang orang sakit otak.

Pegawai Perubatan hendaklah memberitahu Pegawai Penjaga apabila didapati sakit otak atau tidak sempurna akal seseorang banduan.

40. Laporan tentang tidak layak untuk dikurung.

Apabila Pegawai Perubatan berpendapat bahawa nyawa seseorang banduan akan terancam kalau dikurung berterusan dalam lokap atau bahawa seseorang banduan tidak layak langsung untuk dikurung, ia hendaklah dengan serta-merta menyatakan pendapatnya dan alasan-alasan mengenainya secara bertulis kepada Pegawai Penjaga, yang akan dengan segera mengemukakan perkara ini kepada Yang Dipertua, Mahkamah Seksyen atau kepada Majistret Kelas Satu untuk disampaikan kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri, mengikut mana yang berkenaan.

41. Pemeriksaan makanan banduan.

Apabila Pegawai Perubatan melawat sebuah lokap dan memeriksa makanan yang diberi kepada banduan-banduan, ia hendaklah mencatatkan dalam buku Jernal ulasan-ulasannya tentang hal itu.

PEGAWAI-PEGAWAI POLIS PANGKAT RENDAH DAN KONSTABEL-KONSTABEL

42. Banduan-banduan dalam jagaan selamat.

Pegawai-pegawai polis pangkat rendah dan konstabel-konstabel hendaklah pada bila-bila masa bertanggungjawab tentang jagaan dengan selamat banduan-banduan di bawah jagaan mereka dan hendaklah kerap kali dan selalu mengira bilangan banduan-banduan apabila—

- (a) menerima jagaan;
- (b) menyerahkan jagaan; dan
- (c) meninggalkan mana-mana bangunan atau kerja, dan akan mencatatkan dalam Jurnal hal-hal tersebut dan menandatangani.

43. Perhubungan tanpa kebenaran.

Tiada dibenarkan pegawai polis membuat perhubungan yang ditegah mengenai seseorang banduan kepada sesiapa pun, dia tidak boleh juga membuat urusan dengan kawan-kawan atau saudaramara seseorang banduan melainkan diberi kebenaran yang nyata oleh Pegawai Penjaga untuk berbuat demikian.

44. Disiplin polis.

Pegawai Polis tiada dibenarkan berbual kosong dengan seseorang banduan, atau dengan perkataan, gerak-geri atau tingkahlaku dengan cara tertentu yang boleh menyakitkan hati seorang banduan.

45. Pegawai Polis tidak boleh masuk bilik lokap.

Kecuali dalam hal yang sangat mendesak, pegawai polis tidak boleh masuk bilik lokap di waktu malam melainkan ia ditemani oleh pegawai polis yang lain.

46. Pegawai Polis tidak boleh memukul banduan.

Pegawai Polis tidak boleh memukul atau menggunakan kekuatan fizikal terhadap seorang banduan melainkan terpaksa berbuat demikian kerana mempertahankan diri atau dalam mempertahankan orang lain.

47. Pegawai Polis tidak boleh ada urusan kewangan dengan banduan.

(1) Pegawai polis tidak boleh menerima apa-apa bayaran atau ganjaran dari atau bagi pihak seseorang banduan atau seseorang pelawat kepada seseorang banduan.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah 26, pegawai polis tiada boleh membuat apa-apa urusan kewangan dengan, atau bagi pihak seseorang banduan atau seseorang pelawat kepada seseorang banduan.
